

Penyampai : DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HJ MOHD ALI  
Tajuk : MAJLIS ANUGERAH SRIKANDI KEPANDUAN 2002 PERSATUAN PANDU PUTERI  
MALAYSIA  
Lokasi : KELAB TAMAN PERDANA DI RAJA KUALA LUMPUR  
Tarikh : 20-12-2002

Segala pujian bagi Allah kerana dengan izinNya jualah kita dapat bersama-sama berada dalam Majlis Anugerah Srikandi Kepanduan kali kedua Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

2. Sebagai Yang Di Pertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia, saya berasa amat bangga dan berbesar hati memaklumkan iaitu "Anugerah Srikandi Kepanduan" ini adalah lambang penghargaan yang amat tinggi dan luhur daripada warga kepanduan kepada seseorang wanita, tidak kira sama ada ianya ahli kepanduan ataupun tidak, yang telah memberi sumbangan yang besar secara sukarela kepada pembangunan wanita dan negara, berjaya memperjuangkan hak wanita serta membantu kaum wanita mencapai potensi mereka, dan boleh dijadikan "role model" kepada semua golongan masyarakat di negara ini.

3. Sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Srikandi Kepanduan Persatuan Pandu Puteri Malaysia iaitu:

(i) Yang Amat Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Yang Di Pertua Persatuan Pandu Puteri Negeri Johor;

(ii) Yang Berbahagia Dato' Asiah binti Abu Samah bekas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dan kini Pengerusi, International Institute of Governing Board, UNESCO dan ahli SUHAKAM; dan

(iii) Puan Saroja S. Param yang pernah menjadi Timbalan Ketua Pesuruhjaya Malaysia dan sekarang Presiden Sahabat Sangam Malaysia.

4. Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Dato' Rafei bin Mahat, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia di atas "Anugerah Bintang Kehormat" Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Anugerah ini merupakan anugerah tertinggi kepada seseorang yang telah membuat jasa terbaik kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Saya bagi pihak persatuan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala sokongan yang diberikan kepada persatuan ini.

5. Konsep sukarelawan bukanlah konsep yang baru malah merupakan satu konsep amalan mulia yang melampaui batasan agama, jantina, golongan etnik, yang berada dan juga yang tidak berada. Semua individu, agensi atau korporat mampu memberi khidmat sukarelawan. Yang penting ialah komitmen dan 'social conscience' yang besar terhadap 'humanity'. Di Malaysia kerja-kerja sukarelawan harus dipertingkatkan kerana ianya boleh menanamkan sifat keprihatinan dan kesanggupan untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan. Sifat untuk berbudi ini penting disemai kerana pada jangka panjang ianya mampu memperbaiki dan meningkatkan kehidupan rakyat yang malang. Di negara ini adalah penting kita memajukan konsep sukarelawan supaya anak-anak remaja kita diajar dan dibentuk sifat bersimpati dengan mereka yang kurang bernasib baik. Banyak yang boleh dilakukan oleh kita semua iaitu dengan memberi sumbangan yang ikhlas sama ada daripada segi tenaga, kewangan ataupun harta benda.

6. Dalam hal ini rakyat Malaysia sememangnya berhati mulia dan bersedia menghulurkan bantuan apabila diperlukan. Agensi-agensi awam juga boleh memainkan peranan penting dalam menggerakkan sumber tenaga ke arah melibatkan individu untuk memberi khidmat sukarelawan mereka. Dengan usahasama antara agensi- agensi kerajaan, individu dan sektor korporat, kita sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang ditanggung oleh golongan yang malang untuk meningkatkan mutu hidup mereka. Dalam konteks ini sukacita saya menyarankan supaya pihak-pihak yang mampu, baik daripada segi kewangan, masa ataupun tenaga supaya tampil ke hadapan dan memberi sumbangan mereka. Sekali gus ini akan dapat membantu negara kita ke arah kehidupan yang lebih sejahtera, adil dan saksama.

Kepada golongan remaja, gunakanlah masa dan tenaga untuk membantu golongan yang memerlukan. Budaya sukarelawan hendaklah terus dijadikan budaya yang tidak asing di negara ini.

7. Kita beruntung kerana masyarakat kita begitu mudah menghulurkan bantuan kewangan atau mata benda. Namun kita begitu sukar untuk menghulurkan masa dan tenaga. Apa yang kita perlukan ialah supaya lebih ramai lagi anggota masyarakat kita dapat tampil untuk menawarkan masa dan tenaga bagi kegiatan sukarela. Saya amat berharap lebih ramai lagi golongan muda dilibatkan dan penglibatan mereka ini perlu dimulakan dari rumah di mana ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak untuk berjinak dengan badan-badan sukarela di negara kita, di samping memberi contoh teladan yang baik dalam hal ini.

8. Sektor korporat memang banyak membantu dalam bentuk wang dan mata benda. Adalah diharapkan mereka juga tidak akan teragak-agak menyumbangkan masa dan tenaga mereka untuk aktiviti sukarelawan. Mereka harus menggalakkan kakitangan mereka untuk turut terlibat dalam kerja-kerja sukarela. Kesukarelawanan memerlukan satu kesinambungan di samping pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit.

9. Saya amat berterima kasih kepada semua yang telah melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela. Pada saya sukarelawan merupakan satu segolongan insan yang sungguh mulia.

10. Hanya Allah sahaja yang dapat merahmati dan membalas jasa tuan-tuan dan puan-puan yang menjalankan tugas ini dengan sebaik-baiknya seperti firmanNya dalam ayat al-Azhab (ayat 32) yang antaranya bermaksud: "...orang yang meringankan beban orang yang dalam kesusahan sama ada secara sembunyi atau ikhlas, sesungguhnya mereka membuat perniagaan yang tidak akan rugi" Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.